



BINA PURI HOLDINGS BHD

PRESS RELEASE

Bernama, 18 Mei 2010

Anak Syarikat Bina Puri Peroleh Kontrak RM306.9 Juta

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Bina Puri Construction Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Bina Puri Holdings Bhd, memperoleh kontrak bernilai RM306.9 juta daripada Rekajaya Sdn Bhd.

Kontrak itu adalah untuk mereka bentuk, membina dan menyiapkan pembangunan Kampus UiTM Kampong Pinang di sebahagian daripada Lot 6204, Block 1, Samarahan Land District, Kota Samarahan, Sarawak.

"Dengan pemerolehan kontrak tersebut, nilai perolehan kontrak kumpulan berjumlah RM1.916 bilion. Projek tersebut dijangka selesai dalam tempoh tiga puluh bulan," kata Bina Puri dalam satu kenyataan kepada Bursa Malaysia hari Isnin.

Kontrak tersebut dijangka memberi sumbangan positif kepada pendapatan Kumpulan Bina Puri bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Dis, 2010.

--BERNAMA

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor
Corp Communications Dept
BINA PURI HOLDINGS BHD
Tel : 03-6136 3333 (3005)
Fax : 03-6136 9999
E-mail : surati@binapuri.com.my